

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/2/2012

Nasihat Dr. Mahathir kepada pemain bola sepak tempatan

Rasa malu dapat cegah rasuah

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN
zaid.adnan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR Setiap pemain bola sepak di negara ini harus berasa malu sekiranya mereka melibatkan diri dengan rasuah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sifat itu penting kerana ia akan mencegah pemain bola sepak daripada melakukan perkara yang akhirnya memalukan mereka sendiri.

"Saya berpendapat kalau kita bemarkan diri kita dipengaruhi rasuah, maka kita tidak berguna kepada masyarakat.

"Pada masa sama, kita juga harus berasa malu kerana apabila kita tahu malu, kita tidak akan melakukan sesuatu yang memalukan kita," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dan menyampaikan amanat kepada skuad Bawah 23 negara yang menentang Jepun pada perlawanan Kelayakan Olimpik malam tadi.

Turut hadir isteri beliau Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Zolkeple Embong.

Hadir sama, Setiausaha Agung FAM Datuk Azzuddin Ahmad dan Naib Presiden FAM, Datuk Hamidin



TUN Dr. Mahathir Mohamad diperkenalkan kepada pemain ketika mengadakan pertemuan dan menyampaikan amanat kepada skuad bawah 23 negara di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd. Amin.

Mengulas lanjut mengenai pasukan Bawah 23 negara, Dr. Mahathir mahu skuad itu terus berlatih

dan tidak meninggalkan latihan meski pun sudah tidak layak untuk bersaing pada kelayakan Olimpik.

Katanya, beliau dapati pasukan

itu cergas dan difahamkan mereka berlatih dengan cukup berdisiplin serta menjaga pemakanan dan mendapat cukup tidur.

"Kalau mereka terus berbuat demikian, Insyallah, kita akan dapat kemenangan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir menasihatkan pasukan Malaysia supaya mencontohi semangat, disiplin serta sikap malu yang dimiliki rakyat Jepun yang sukar untuk ditandingi.

Katanya, dengan sifat-sifat itu, rakyat Jepun berjaya bangkit daripada sebuah negara yang musnah selepas perang kepada sebuah negara maju dalam tempoh singkat.

"Perasaan malu itu penting kerana meneruskannya ia mendorong rakyat Jepun berjaya kerana bila gagal, mereka akan malu manakala sebaliknya, kejayaan akan memberi kepuasan yang boleh dibanggakan.

"Justeru, saya harap pasukan Malaysia akan sentiasa ingat perasaan malu kerana ia akan membuatkan mereka bersungguh-sungguh supaya tidak gagal dalam satu-satu perlawanan.

"Apabila kita berjaya, kita akan merasa puas kerana bukan sahaja menang malah negara akan turut merasa bangga dengan kita," katanya.

Pada majlis tersebut, penjaga gol skuad bawah 23 negara, Khairul Fahmi Che Mat menyampaikan cendera hati berupa jersi skuad kebangsaan yang ditandatangani setiap pemain dalam pasukan berkenaan kepada Dr. Mahathir.